

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November, 1991

AKU303 - SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN I

Masa : [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. TIGA dari BAHAGIAN A dan SATU dari BAHAGIAN B. Semua soalan mempunyai jumlah markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Sistem Maklumat Pengurusan boleh diperihalkan dalam sebutan komponen fizikal, paras pengurusan, sokongan pembuatan keputusan dan darjah pemusatan. Terangkan secara ringkas semua sebutan ini.

[100/100 markah]

2. (a) Terangkan ciri-ciri utama dan perbezaan antara organisasi fail jujukan berindeks dan langsung (rawak). Kaedah mana yang unggul untuk menjawab pertanyaan? Mengapa?

[50/100 markah]

- (b) Apakah pangkalan data dan matlamatnya?

[50/100 markah]

AKU303

3. (a) Apakah masalah yang lazim dihadapi dalam menentukan keperluan maklumat organisasi dari pengguna? Terangkan.

[40/100 markah]

- (b) Dalam menentukan keperluan maklumat sesebuah organisasi, dua metodologi penting adalah Proses Sistem Niaga (BSP) dan Faktor Kejayaan Genting (CSF). Huraikan kedua-dua kaedah ini. Apakah perbezaan utama antara kedua-dua kaedah ini?

[60/100 markah]

4. Terangkan proses merekabentuk sistem dengan mengambil kira kegiatan-kegiatan terlibat, metodologi yang digunakan dan outputnya.

[100/100 markah]

5. (a) Dalam mendapatkan perkakasan/perisian, satu persoalan penting adalah sama ada kegiatan ini dijalankan secara pusat (jawatankuasa melibatkan semua jabatan) atau khusus oleh jabatan yang memohon. Terangkan kebaikan dan keburukan jika kegiatan dikendalikan oleh jabatan yang berkenaan sahaja?

[50/100 markah]

- (b) Apakah kriterium-kriterium yang patut diguna dalam menilai perisian untuk tujuan pemilihan ketika membelinya? Jelaskan.

[50/100 markah]

BAHAGIAN B

6. Zenith Electronics menghasilkan pelbagai perkakas elektrik yang kecil di tiga bahagiannya. Sejak mula beroperasi ia mengguna pendekatan lama - pasaran lama, peralatan lama dan pemprosesan data manual sehingga lewat tahun 80'an. Pengurus perakaunan mula mengguna minikomputer untuk merekod data perakaunan. Dia belajar memprogram dan memasukan penggunaan perakaunan asas dengan membaca manual mesin. Presiden syarikat ini kagum dengan kepantasan pemprosesan dan kelajuan mendapat maklumat untuk analisis. Dia menggalakkan jabatan-jabatan lain untuk mengguna sistem itu dan mengguna komputer apabila komputer terbiar (waktu tidak digunakan oleh jabatan perakaunan). Kini sistem itu boleh diguna oleh ketiga-tiga bahagian yang memasukkan program masing-masing seperti yang dirasakan perlu.

Selepas 5 bulan, ketaralah yang laporan analisis kos dan perakaunan tidak lagi dapat disediakan pada waktu yang dikehendaki. Sistem itu menjadi terlalu "overworked" sehinggakan laporan siap lewat atau ralat (errors) terdapat dalam laporan sehinggakan tidak boleh diguna untuk membuat keputusan. Kebanyakan perisian sentiasa diperbetulkan .

Guna kes ini untuk menjelaskan yang berikut:

- (a) Kekurangan perancangan bagi perkakasan/perisian.
- (b) Maklumat penting tidak diberitahu kepada pihak pengurusan.
- (c) Tanda kekurangan/tiada perancangan korporat.
- (d) Kegagalan mengguna perancangan projek.
- (e) Kegagalan mengguna pelan SMP strategik.


[100 markah]

7. Pada tahun 1985, jabatan simpanan kotak (safe deposit box) Bank Hongkong Shanghai mempunyai 5000 kotak daripada pelbagai saiz. Pada hujung tahun yang sama, sebanyak 5000 kotak ditambah kerana permintaan diramal akan meningkat. Tambahan ini meningkatkan bilangan orang atendan yang diperlukan dari 3 ke 5.

Tatacara penyewaan kotak ini amat mudah. Pelanggan mengisi borang bagi kotak tertentu dan membayar sewa tahunan terlebih dahulu. Dia diberikan 1 kunci, kotak boleh dibuka hanya dengan mengguna kunci itu bersama dengan kunci yang dipegang oleh atendan.

Setiap penyewaan menjana suatu transaksi bil. Bil diproses secara manual pada asas 6-kitar setiap 5 hari dengan bermula pada 1 hari bulan setiap bulan. Pelanggan menerima notis sebulan sebelum tempohnya tamat.

Rajah di bawah ialah gambarajah aliran data (DFD) untuk sistem akaun pelanggan.



AKU303

- (a) Adakah terdapat sebarang kesilapan dalam DFD ini? Senaraikan pembedulannya.
- (b) Bangunkan DFD terperinci untuk bulatan 2.
- (c) Bangunkan DFD untuk menutup akaun (kotak) pelanggan dengan mengguna maklumat dalam kes ini.

[100 markah]

---ooo0000ooo---